

Kisah beruk bersama tuannya tunggang motosikal gamatkan perhimpunan

UM 23 JUN 2003
KUALA LUMPUR 21 Jun — Kisah gelagat seekor beruk dengan tuannya ketika menunggang motosikal yang diceritakan oleh wakil Badan Perhubungan UMNO Kedah hari ini telali menggamatkan Perhimpunan Agung UMNO.

Kiasan tersebut dibangkitkan oleh Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pendang Mohd. Kamal Saidin bagi menceritakan tentang kesukaran untuk mencari pengganti kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Nak cari seorang pemimpin macam Dr. Mahathir yang sayangkan orang Melayu dah tak ada dah.

“Ibarat macam tuan beruk sayangkan dekat beruk. Kalau tuannya bawa bini naik motor, bini duduk belakang, beruk duduk depan nu.

“Nak habaq kata betapa sayangnya tuannya kepada beruk. Tapi perangai beruk ini dia bukan tahu duduk diam.

“Dia raba sana, dia pulas sini, dia usik sana. Dia bukan tahu duduk. Sat dia tengok, dia renyeh tuan dia. Last sekali dia tak tahu yang dia tengah dok raba suis dok depan tu.

“Raba punya raba mai kalu dah tutup suis, motor mati dalam gear. (jatuh) pecah kepala ohh... Sekali dengan beruk pun pecah kepala,” katanya sehingga menyebabkan ramai perwakilan ketawa besar ketika membahaskan usul pendidikan pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54.

Menurut Mohd. Kamal, berdasarkan kisah tersebut, orang Melayu seharusnya sedar bahawa mereka tidak boleh bersikap seumpama beruk sehingga sanggup membuat apa sahaja tanpa mengira kesan yang akan menimpa kepada tuan atau pemimpin mereka.

Katanya, sikap sedemikian juga boleh menyebabkan parti, bangsa dan negara hancur.

“Kalau UMNO dengan UMNO berbalah, Melayu akan hilang kuasa. Kalau Melayu Pas dengan Melayu UMNO brrbalah. mungkin kita akan dijajah semula,” katanya.

Mohd. Kamal berkata, orang Melayu harus sedar bahawa Dr. Mahathir sendiri telah berulang kali mengingatkan bahawa mereka tidak harus membiarkan pemikiran dan negara mereka dijajah untuk kali kedua.

Dalam pada itu, beliau berkata, akibat daripada perbuatan orang bawahan boleh member-i kesan serius kepada ketua mereka.

Bagaimanapun katanya, kesan perbuatan itu menyebabkan dilema pula kepada ketua seperti dalam kisah beruk dengan tuannya yang terlibat dalam kemalangan gara-gara tindakan beruk menutup suis motosikal.

Namun, kata beliau, perubahan masih boleh berlaku jika ahli-ahli bersikap bertanggungjawab serta bersedia mengubah sikap mereka.

“Selamatkan negara, selamatkanlah bangsa, selamatkan agama. Inilah wadah perjuangan kita,” katanya.